



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

الكلية الجامعية الإسلامية العالمية سنڤالڤور

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

BULETIN:

FEBRUARI 2019

KAJIAN KES NIKAH SINDIKET DI MALAYSIA

Keperluan kepada pendaftaran perkahwinan pada hari ini merupakan suatu masalah untuk menangani masalah berbangkit selepas perkahwinan atau jika pasangan terlibat dengan penceraian. Ini adalah untuk kebaikan kepada pasangan yang bakal berkahwin apabila timbul perkara - perkara berbangkit dalam urusan rumah tangga pada masa hadapan. Pendaftaran perkahwinan tidak terhad kepada pendaftaran dalam negeri sahaja tetapi undang-undang menghendaki perkahwinan yang berlaku diluar Malaysia perlu didaftarkan.

Pendaftaran juga perlu bagi bagi kes perkahwinan yang berlaku luar negeri mengikut hukum syarak tetapi tidak melalui kedutaan Malaysia. Perkahwinan tersebut hendaklah didaftarkan dalam tempoh enam bulan selepas tarikh perkahwinan dihadapan pendaftar yang terdekat seperti yang termaktub dalam seksyen 31, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor. Meskipun begitu, perkahwinan yang tidak didaftarkan sah disisi syarak sekiranya pasangan tersebut tidak melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Dalam istilah undang-undang tidak ada peruntukan khusus berkaitan 'kahwin sindiket'. Istilah 'kahwin sindiket' hanyalah merupakan sebutan dikalangan masyarakat. Dari aspek perundangan, kesalahan kahwin sindiket diperuntukkan dibawah bab perkahwinan tanpa kebenaran. Terma nikah sindiket meliputi perkara yang melibatkan upacara pernikahan yang dijalankan dengan tidak mengikut prosedur undang-undang, sebagai contoh jurunikah yang menikahkan, wali, saksi dan sebagainya.

Namun begitu, terdapat beberapa kes yang melibatkan nikah sindiket yang sah menurut hukum syarak tetapi tidak sah dari sudut perundangan. Sebagai contoh, sekiranya pasangan dinikahkan oleh ahli keluarga sendiri dan perkahwinan itu memenuhi semua syarat sah nikah, namun dari sudut perundangan, ianya bersalahan dengan kehendak perundangan kerana pernikahan tersebut dilakukan oleh jurunikah tidak bertauliah.

Berikut dibincangkan beberapa analisis kes pendaftaran nikah tanpa kebenaran yang didaftarkan di Negeri Selangor.

Pendakwa Syarie Iwn. Salleh Bin Sahnam.

(10019-164-0139-2017).

Dimana kes ini berlaku di Subang pada 04 Mei 2004 jam 8 malam, mereka dinikahkan tanpa mengikut prosedur dan pegawai agama yang tidak bertauliah. Ayah kepada pengantin perempuan juga dikenakan denda kerana beliau dikira bersubahat dengan menjadi wali pada malam tersebut. Perkahwinan yang tidak berdaftar dengan pihak NCR adalah dikira sebagai perkahwinan nikah sindiket. Kes ini tertakluk kepada seksyen 134, seksyen 40(2) dan berlawanan dengan seksyen 19(a) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 EUKIS.

Pendakwa Syarie Iwn. Zaimah Binti Ali.

(10021-165-0172-2017).

Kes ini dibicarakan pada 19 Jun 2017, OKT yang berumur 30 tahun ini dikenakan denda oleh Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam (MRSSA) sebanyak RM 950.00 kerana tidak mengikut prosedur undang-undang yang sudah termaktub di dalam EUUKIS di bawah seksyen 40(2) iaitu mereka tidak mendaftar perkahwinan dan memohon kebenaran berkahwin dengan warganegara luar, oleh itu perkahwinan ini dianggap nikah secara sindiket oleh PNCR. Beliau telah berkahwin dengan pasangannya iaitu Rafiqul Islam di Narayangani, Bangladesh pada 15 Mei 2016 pada jam 5 petang.

Pendakwa Syarie Iwn. Soraya Binti Othman.

(10021-165-0247-2017).

Kes ini melibatkan kegiatan sindiket yang berlaku di dalam negeri Selangor. Mereka yang tertuduh ialah Samsudin Bin Hashim dan Rozlan Bin Abd Manaf yang dipanggil sebagai saksi manakala Othman Bin Md Yusof didakwa bersubahat atas kesalahannya yang menjadi wali ketika itu. Tertuduh yang menjalankan aktiviti pernikahan ini dikira sebagai perkahwinan nikah sindiket. Pernikahan ini telah berlaku pada 15 November 2014 di Sri Alam Kondo, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor jam 8.30 malam. Pasangan yang dinikahkan ialah Faris Nalakath Hamza (Tertuduh L) yang merupakan bukan warganegara Malaysia dan tidak bermaustautin di Negeri Selangor ketika bernikah dan Soraya Binti Othman (Tertuduh P). Pernikahan antara Tertuduh (L) dan Tertuduh (P) didapati tidak mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah dan beliau didakwa atas kesalahan seksyen 40(2) EUUKIS.

Disediakan Oleh;

Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam

Pensyarah Jabatan Undang-undang

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor